

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**APLIKASI KONSEP ISLAM DI DALAM  
REKABENTUK  
BANGUNAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
ISLAM DI MALAYSIA**

**AZLIN BT. ISMAIL EFFENDI**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Sarjana Sains Alam Bina (Senibina)**

**Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur**

**November 2006**

## **ABSTRAK**

Penerapan konsep Islam di dalam rekabentuk bangunan perlu diberi perhatian agar kehidupan yang dilalui membantu melahirkan suasana yang mendorong ke arah mengingati serta mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Di dalam aspek pendidikan, khususnya pendidikan agama merupakan faktor yang penting di dalam pembentukan nilai kehidupan. Senibina pula boleh berperanan untuk membantu di dalam pelaksanaan mencapai matlamat pendidikan seterusnya kehidupan keseluruhannya. Kaji selidik yang dilakukan ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana konsep Islam yang merupakan asas di dalam kehidupan seseorang Islam telah diaplikasi ke dalam rekabentuk dan bagaimana ia telah memberi kesan bersesuaian dengan fungsi bangunan sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam. Kaedah kaji selidik adalah dengan mengadakan temuramah, menjalankan pemerhatian dan mengedarkan borang soal selidik di institusi yang dikaji iaitu UIAM, MPI dan KISDAR. Kesimpulan kepada kajian ini menunjukkan rekabentuk bangunan institusi kajian telah menerapkan konsep Islam namun dalam pendekatan yang berbeza. Aplikasi tersebut walaupun tidak pada keseluruhan rekabentuk bangunan secara terperinci ia tetap menunjukkan hasil melalui rekabentuk yang pelbagai tetapi kesatuan dalam maksud yang tersirat. Oleh itu secara langsung menghasilkan rekabentuk yang menggambarkan identiti Islam yang boleh dikenali melalui senibina.

## PENGHARGAAN

Segala puji kepada Allah S.W.T Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat serta salam untuk junjungan mulia Rasulullah S.A.W, para keluarga serta sahabat baginda. Setinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menyumbangkan bantuan serta sokongan samada secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menjalankan kajian projek senireka ini.

Ribuan terima kasih khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat yang telah memberikan bimbingan, tunjukajar, khidmat nasihat, galakan serta pandangan serta meluangkan masa mereka :

### *Penyelia-penyelia Tesis :*

Prof. Madya Dr. Mohamed Yusoff bin Haji Abbas,  
Prof. Madya Pn. Hajjah Nakiah bt. Md. Amin,  
Cik Norsham bt. Lebai Itam.

### *Penasihat / Koordinator Kursus :*

Prof. Madya Seti Maryam bt. Ayop – bekas Timbalan Dekan, FSPU.  
Prof. Madya Dr. Nik Ismail Azlan bin Abd. Rahman  
Prof. Madya Dr. Faridah bt. Yusuf  
Prof. Madya Dr. Dasimah bt. Omar  
Prof. Madya Dr. Wan Mohd. Naim bin Wan Mohd.  
Prof. Madya Dr. Mizan bin Haji Hitam  
Prof. Madya Dr. Norlaila bt. Ahmad

### *Panel-panel tesis :*

Pengerusi panel – Pusat Pengajian Siswazah,  
Penal dalam (dari Universiti Teknologi MARA),  
Panel luar (jemputan dari Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur).

*Pensyarah-pensyarah yang dirujuk yang memberi pandangan dan komen di dalam pelaksanaan ke atas projek ini :*

Prof. Madya Dr. Mizan bin Haji Hitam,  
Prof. Madya Dr. Haji Zainal bin Mat Saat,  
Prof. Madya Dr. Haji Wan Salleh bin Wan Ibrahim,

## SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat Tajuk	
Abstrak	ii
<i>Candidate's Declaration</i>	iii
Penghargaan.	v
Senarai Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiv
Senarai Gambar	xvii
<b>BAB SATU : PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.	2
1.2 Permasalahan / Isu Kajiselidik.	3
1.3 Kepentingan Kajiselidik.	5
1.4 Tujuan kajiselidik.	5
1.5 Objektif kajiselidik.	6
1.6 Skop kajiselidik.	7
1.7 Ringkasan kaedah kajiselidik.	8
1.8 Rumusan.	9
<b>BAB DUA : KAJIAN ILMIAH (LITERATURE REVIEW)</b>	<b>11</b>
2.1 Status tajuk.	11
2.2 Kepentingan pernyataan masalah / isu.	12
2.3 Pengertian Konsep Islam di dalam kajiselidik yang dilakukan.	15
2.3.1 Perkembangan pembangunan institusi pendidikan.	17
2.3.2 Sejarah rekabentuk bangunan institusi pendidikan tinggi Islam dan kaitan dengan konsep Islam.	19
2.3.3 Aspek rekabentuk bangunan dari perspektif konsep Islam.	22
2.3.3.1 Bentuk dan rupabentuk bangunan.	23
2.3.3.2 Fungsi (susunatur dan hubungkait ruang).	25

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

Penerapan konsep Islam di dalam kehidupan serta lingkungan alam bina khususnya rekabentuk bangunan, sebenarnya telah sediaada wujud dan merangkumi aspek yang lebih luas, bukan sekadar untuk aktiviti keagamaan sahaja. Sebagai contoh pembinaan bangunan pintar yang menjurus ke arah penjimatan kuasa untuk mengelakkan pembaziran serta faktor pemeliharaan alam persekitaran dalam sesuatu projek pembinaan. Konsep Islam sememangnya berhubungkait dengan nilai-nilai kerohanian. Sesuatu senibina atau rekabentuk tidak akan menampilkan hasil yang indah serta bermakna jika tiada nilai kerohanian yang tersirat di sebaliknya. Sebagai contoh senibina bangunan Al-Hambra di Granada seperti yang dinyatakan oleh Esa (1996, ucapan pembukaan seminar “Al-Imara : The Islamic Concept of the Built-Environment.”) merupakan contoh bangunan yang berjaya di dalam terjemahan aspek kerohanian di dalam rekabentuk serta senibinanya.

Menurut Yahaya (1998, m.s.459), Senibina Islam samada bagi bangunan berunsur keagamaan atau sebaliknya, mempunyai kesatuan yang jelas dapat dilihat pada ciri-ciri senibina yang menampilkan luahan perasaan keamanan, ketenangan serta keheningan yang tiada pencanggahan antara unsur rohani serta jasmani. Memandangkan Islam, agama yang meletakkan aspek pengucapan, keyakinan di hati serta perlaksanaan dalam bentuk amalan seiring dan saling berkait di dalam menjalani kehidupan, maka tidak dinafikan rekabentuk bangunan yang direka bersesuaian dengan corak kehidupan ini dapat membantu perlaksanaan amalan yang lebih baik.

Oleh itu, penerapan konsep Islam di dalam rekabentuk bangunan yang khusus digunakan oleh orang Muslim sewajarnya diberi perhatian agar kehidupan yang dilalui dapat membantu manusia mengingati serta mengesakan Allah S.W.T. Di dalam aspek pendidikan, khususnya pendidikan agama merupakan faktor yang